



Pertanyaan mengenai Cina buta:

Daripada Hamzah bin Harun,
Kampung Pulau Chengai – Gurun,
Kedah.

“Seorang lelaki telah menceraikan isterinya tiga kali (talak tiga). Kemudian ia berniat hendak rujuk kembali kepada isterinya itu. Tetapi kerana syarak tidak membenarkan ia rujuk melainkan sesudah isteri itu berkahwin dengan seorang lelaki yang lain, maka si suami tadi telah mencari seorang lelaki yang bodoh lalu diupahnya supaya berkahwin dengan bekas isterinya dengan syarat hendaklah lelaki yang diupahnya itu menceraikan isterinya pada malam itu juga. Setelah bernikah dan bercerai dengan lelaki yang makan upah itu, maka suami yang pertama itu juga terus nikah kembali dengan jandanya itu. Bolehkah begitu? Diharap mendapat penjelasan dari tuan!

Jawab

Sebelum saya memberi jawapan pertanyaan A. Hamzah itu terlebih dahulu saya suka menerangkan bahawa lelaki yang menerima upah sebagaimana yang saudara terangkan itu di dalam bahasa Arabnya dinamakan “*muḥallil*” (Muhallil) dan di dalam bahasa Melayunya terkenal dengan nama “Cina buta”.

Jawapan untuk pertanyaan saudara itu saya mulakan dengan firman Allah di dalam sūrat al-Baqarah ayat (229) yang berbunyi: “*Al-ṭalāqu marratāni fa imsākun bi ma‘rūfin aw tasrīhun bi iḥsān*” maksudnya: “Talak (yang dibenarkan rujuk) itu dua kali. Sesudah itu hendaklah kamu rujuk

atau kamu lepaskan (talak ketiga) dengan cara yang baik.”

Di dalam sūrat al-Baqarah juga ayat (230) Tuhan berfirman pula: “*Fa in ṭallaqahā fa lā taḥillu lahū min ba‘du ḥattā tankiḥa zawjan ḡayrah. Fa in ṭallaqahā fa lā junāḥa ‘alayhimā an yatarāja‘ā*”

maksudnya: “Jika ia (suami) menceraikan dia (isteri) – dengan talak tiga – maka tidaklah perempuan itu jadi halal kembali baginya sesudah itu, sehingga ia berkahwin suami yang lain. Maka jika ia (suami baru) itu menceraikan dia, maka bolehlah keduanya (perempuan dengan suaminya yang pertama) kembali lagi.”

Dengan keterangan dari kedua-dua ayat di atas maka jelaslah kepada kita bahawa seorang suami apabila telah menceraikan isterinya dengan talak tiga, ia tidak dibenarkan lagi rujuk kepada isterinya itu buat selama-lamanya, sebelum isterinya itu berkahwin dan bercerai dengan seorang lelaki lain. Kalau si suami yang baharu itu dengan secara kebetulan menceraikan dia, maka bolehlah dia rujuk kembali berkahwin kepada suaminya yang pertama tadi.

Nikahnya perempuan itu kepada suaminya yang kedua – menurut ayat – tidaklah bersyarat. Tetapi maksud

yang lebih luas dari ayat itu ada diterangkan di dalam beberapa hadith sahih, di antaranya:

Qāla Ibn ‘Umar: Su‘ila al-Nabiyyu ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam ‘ani al-rajuli yuṭalliqu imra’atahu thalāthan wa yatazawwajuhā ākhar fa yughliqu al-bāba wa yurkhī al-sitr, thumma yuṭalliquhā qabla an yadkhula bihīmā. Hal taḥillu li al-awwal? Qāla: Lā, ḥattā tadhūqa al-‘usaylah’. (hadīthun ṣaḥīḥun rawāhu Aḥmad) “*Wa rawā al-Nasā’ī qāla (al-Nabiyyu ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam) ‘Lā taḥillu li al-awwali ḥattā yujāmi‘uha al-ākhar’.*” Ertinya: “Telah berkata Ibn ‘Umar: Rasulullah ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam pernah ditanya dari hal seorang lelaki yang menceraikan isterinya dengan talak tiga, dan perempuan itu berkahwin dengan orang lain. Maka suami baru ini menutup pintu dan menurunkan tirai, kemudian menceraikan perempuan itu sebelum bercampur (bersetubuh) dengannya. Adakah halal perempuan itu kembali kepada suaminya yang pertama? Baginda menjawab: ‘Tidak halal sehingga ia bercampur dengannya’.” (hadith ṣaḥīḥ diriwayatkan oleh Aḥmad). “Dan yang diriwayatkan oleh al-Nasā’ī: ‘Telah bersabda Nabi ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam maksudnya: Perempuan itu tidak halal bagi suami yang pertama sebelum dia dicampuri oleh suaminya yang baru’.”

1001 Masalah

Ringkasan dari kedua-dua hadith yang tersebut di atas, bahawa setiap perempuan yang sudah ditalak tiga kali oleh suaminya tidak boleh rujuk kembali kepadanya sebelum dia (perempuan itu) bernikah dengan suami yang lain. Sesudah bernikah dan bercampur (jimak) dengan suami yang baru itu, kalau kebetulan (dengan tidak mengadakan sesuatu perjanjian dengan suami yang pertama) suami yang baru itu menceraikannya, maka bolehlah ia bernikah kembali dengan suaminya yang pertama tadi.

Oleh kerana perempuan ini sudah menjadi isteri orang lain, maka tidak boleh ia kembali rujuk kepada suaminya yang pertama (selepas diceraikan) sebelum lepas idahnya menurut firman Allah di dalam sūrat al-Baqarah ayat (228): “*Wa al-muṭallaqātu yatarabbaṣna bi anfusihinna thalāthata qurū*”. Ertinya: “Perempuan yang ditalak itu wajib menahan diri mereka (beridah) selama tiga kali haid.”

Tadi baru saya terangkan suatu jumlah kata yang berbunyi: “Kalau kebetulan (dengan tidak mengadakan sesuatu perjanjian dengan suami yang pertama) suaminya yang baru itu menceraikannya”, maka maksud daripada jumlah kata tersebut, bahawa tidak boleh seseorang lelaki berkahwin dengan seorang perempuan yang telah diceraikan dengan talak tiga dengan tujuan sesudah perempuan itu dikahwini dia akan terus diceraikan kerana mengambil upah supaya suaminya yang

pertama dapat berkahwin kembali dengan isterinya yang sudah ditalak tiga itu. Kerana orang yang melakukan pekerjaan yang seumpama inilah yang dinamakan “*muḥallil*” (Muhallil) dan orang yang mengupah melakukan pekerjaan itu dinamakan “*muḥalla*” (Muhalla) kedua-duanya dilaknat dan dikutuki Allah sebagaimana sabda Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*:

“*Alā ukhbīrukum bi al-taysi al-musta‘ār?*”.

Qāla: Balā Yā Rasūl Allāh! Qāla
“*huwa al-muḥallilu la‘ana Allāhu al-muḥallila wa al-muḥallala lahu.*” (*ḥadīthun ṣaḥīḥun rawāhu Aḥmad wa al-Nasā’ī*). Ertinya:

“Mahukah aku khabarkan kepada kamu tentang kambing pinjaman?” Jawab para sahabat: Mahu Ya Rasulullah! Maka Rasulullah lantas bersabda: “Talah *maḥallil* (Mahallil) Allah melaknati *maḥallil* (Mahallil) dan *maḥallal* (Mahallal)

Dengan hadith ini teranglah bahawa nikah dengan secara *maḥallil* (Cina buta) itu adalah tidak sah, lantaran melakukan “Cina buta” itu adalah dilaknat Tuhan. Maka setiap pekerjaan yang dilaknat Tuhan itu adalah dilarang. Jika dilakukan juga adalah tidak sah. Inilah pendapat kami dalam soal yang saudara musykilkan itu.

* * *

Bangkai itu haram?

Pertanyaan dari:

Sirajuddin bin Ilyas,

Kampung Awah, Temerloh – Pahang.

Di dalam sūrat al-Baqarah ayat (173) saya ada terbaca firman Tuhan yang berbunyi: “*Innamā ḥarrama ‘alaykumu al-maytata . . . al-āyah.*” Ertinya: “Sesungguhnya

diharamkan atas kamu ialah bangkai . . . *al-āyah*”. Adakah ayat ini mengharamkan segala jenis bangkai, bagaimana tentang bangkai ikan yang kita jumpai di tepi pantai. Adakah suatu ayat yang lain ataupun mana-mana hadith yang menghalalkannya? Kerana di dalam *Tafsīr al-Jawāhir* pernah saya lihat bahawa Saiyidina ‘Alī, Ibn ‘Abbās, dan Jābir bin ‘Abd Allāh mengharamkan bangkai ikan itu, Imam Abū Ḥanīfah dan sahabat-sahabatnya telah memakruhkan, Saiyidina Abū Bakr membolehkan memakannya dan Imam Shafi‘ī menghalalkan. Mana suatu dalil yang lebih kuat? Harap tolong jelaskan kesamaran saya yang jahil ini!

Jawab

Di dalam al-Qur’ān Allah mengharamkan bangkai, darah, daging babi dan sesuatu yang disembelih kerana yang lain dari Allah di dalam empat ayat, satu daripada ayat-ayat itu seperti mana yang saudara telah terangkan di atas, selain dari itu di dalam ūrat al-Mā’idah ayat (4), di dalam sūrat al-Naḥl ayat (115) dan akhir sekali di dalam sūrat al-An‘ām ayat (146¹) sebagaimana firman-Nya: “*Qul lā ajidu fī mā ūhiya ilayya muḥarraman ‘alā ṭā’imin yaḥ‘anuhū illā an yakūna maytatan aw daman masfūḥan aw laḥma khinzīr, fa innahū rijsun aw fisqan uhillā li ḡayri Allāhi bih*” Ertinya: “Katakanlah! Bahawa aku tidak dapati dalam (kitab) yang diwahyukan kepadaku barang yang diharamkan atas seseorang yang hendak makan melainkan jika adalah ia bangkai atau darah yang mengalir (cair) atau daging babi – kerana daging babi itu kotor – atau sesuatu yang disembelih kerana yang lain dari Allah”.

¹ Perkataan sebenar ialah 145.

1001 Masalah

Adapun perkataan bangkai yang dimaksudkan di dalam ayat-ayat itu ialah seperti kata al-Baghawī di dalam tafsirnya juzuk pertama muka surat (381): “Bangkai itu maksudnya ialah tiap-tiap binatang yang tak sempat disembelih dari antara binatang-binatang yang biasa disembelih.”

Dengan perkataan al-Baghawī ini terkeluarlah semut, ulat-ulat yang di dalam buah-buahan, ulat-ulat dalam daging dan sebagainya mahupun yang dapat dilihat dengan mata biasa ataupun tidak. Adapun belalang sungguhpun ia boleh dimasukkan di dalam jenis serangga, tetapi ada didapati hadith-hadith Nabi yang menegaskan halalnya. Tentang halalnya bangkai ikan itu ada tersebut di dalam al-Qur’ān ayat (69²) sūrat al-Mā’idah: “**Uḥilla lakum ṣaydu al-baḥri wa ṭa’āmuhū matā’an lakum wa li al-sayyārah.**” Ertinya: “Dihalalkan bagi kamu buruan laut dan juga makanan laut, sebagai bekalan untuk kamu dan untuk pelayar-pelayar.”

Diriwayatkan dari Ibn ‘Umar dan beberapa banyak sahabat, bahawa yang dimaksudkan dengan “buruan laut” itu ialah binatang-binatang yang ditangkap dari laut.

Diriwayatkan dari Ibn ‘Abbas, Abū Hurayrah, Zayd bin Thābit dan lain-lainnya bahawa “makanan laut” yang tersebut di dalam ayat di atas maksudnya ialah bangkai-bangkai binatang laut.

Diriwayatkan bahawa Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pernah mengirim suatu angkatan tentera yang berjumlah

300 orang diketuai oleh Abu ‘Ubaydah. Di dalam perjalanan tentera-tentera itu keputusan makanan, lalu mereka dapati di pinggir laut seekor bangkai ikan yang amat besar. Lantaran terpaksa kerana tersangat lapar, mereka lalu memakan bangkai ikan itu dan lebihnya mereka bawa pulang ke Madinah. Kemudian mereka ceritakan kisah itu kepada Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, maka sabda baginda:

Huwa riqun akhrajahu. Allāhu lakum. Hal ma’akum min laḥmihī shay’un fa tuṭ’imūnā qāla Abū ‘Ubaydah: Fa arsalnā ilā rasūl Allāhi ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam fa akalahu. Ertinya: “Dia (ikan) itu adalah rezeki yang dikeluarkan oleh Allah untuk kamu. Adakah kamu bawa sebahagian daripada dagingnya bersama-sama kamu buat diberikan kepada kami?” Kata Abū Ubaydah: “Maka kami pun mengirim sebahagian daripada daging ikan itu kepada Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, maka baginda pun memakan akan dia”. (hadith *ṣaḥīḥ* diriwayatkan oleh Muslim).

Di dalam suatu hadith yang lain Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda: “***Huwa al-ṭahūru mā’uhū al-ḥilla maytatuh.***” Ertinya: “Laut itu bersih airnya dan halal bangkainya.” (hadith ini diriwayatkan oleh imam-imam Shafī‘ī, Aḥmad bin Ḥanbal dan ahli-ahli sunan yang empat iaitu – Abū Dawud, Nasā‘ī, Ibn Mājah dan Bayhaqī – dan disahkan oleh *al-Imām* Bukhārī, *al-Tirmīdhī*, Ibn Mājah, Ibn Ḥibbān dan lain-lainnya.

Di sana ada didapati dua hadith lagi yang menerangkan bahawa bangkai ikan itu adalah halal dimakan. Hadith pertama diriwayatkan oleh Ahmad, Ibn

Mājah dan al-Tabrānī sebagaimana sabda Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*: “***Uḥilla lanā maytatāni wa damāni fa ammā al-maytatāni fa al-ḥūtu wa al-jarādu wa ammā al-damāni fa al-kabidu wa al-ṭiḥāl.***” Ertinya: “Dihalalkan bagi kita dua bangkai dan dua darah. Adapun dua bangkai itu ialah ikan dan belalang, dan dua darah itu ialah jantung (hati) dan paru-paru.

Hadith yang kedua diriwayatkan oleh al-Daraqutnī sebagaimana sabda Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*: “***Inna Allāha dhabiḥa mā fi al-baḥri li banī ādam.***” Ertinya: “Sesungguhnya Allah telah menyembelihkan segala isi laut itu untuk anak Ādam.”

Dengan keterangan-keterangan yang telah kami nyatakan itu adalah menunjukkan bahawa ikan itu halal dimakan mahupun yang ditangkap lalu dimatikan ataupun bangkainya yang memang mati sendiri.

Adapun tentang perkataan Saiyidina ‘Alī, Ibn ‘Abbās, dan Jābir bin ‘Abd Allāh yang mengharamkan bangkai ikan itu di sepanjang penyelidikan kami belumlah dapat disahkan, perkataan itu perlu kita periksa sanadnya, kerana perkataan itu bertentangan dengan apa yang dinyatakan oleh al-Qur’ān dan al-ḥadīth. Menurut pendapat kami mustahil para sahabat seperti Saiyidina ‘Alī, Ibn ‘Abbās dan Jābir itu berani melawan hukum Allah dan rasul-Nya.

Selanjutnya periksalah masalah ini di dalam kitab-kitab “*Naylu al-awṭār; Tafsīr Ibn Kathīr, Tafsīr al-Baghawī*” dan lain-lain lagi.

Abu al-Mokhtar.

² Perkataan sebenar ialah 96.